



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 1 JANUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	MAQIS GAGALKAN CUBAAN SELUDUP BELANGKAS, NEGERI, SH -25 DALANG PALSU LOGO HALAL BAKAL DIDAKWA, LOKAL, HM -12 DALANG SEBENAR BAKAL DIDAKWA, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -8 ROSOL: FROZEN MEAT IMPORTER TO BE CHARGED SOON, NATION, THE STAR -12 SYOR GUNA SISTEM KOD QR, NASIONAL, BH -3	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	WANITA BUNUH KUCING BUNTING DIREMAN AMPAT HARI, NEGERI, SH -25 WANITA 51 TAHUN BUNUH KUCING BERMALAM DI LOKAP, NEGARA, KOSMO -13 BROKER PUKUL, BUNUH KUCING DIREMAN, NASIONAL, BH -18 WANITA PUKUL KUCING TERIMA PADAH, DALAM NEGERI, UM -10 WANITA BUNUH KUCING DIREMAN, LOKAL, HM -19 SIASAT ONAR 'ORANG DALAM', LAPORAN KHAS, HM -2 DUA LADANG DIMINTA KAWAL PENCEMARAN BAU, LOKAL, HM -3	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
13.	MARDI KELANTAN LAHIR 40 USAHAWAN, NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -29	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
14.	PELABUR BAHRAIN LABUR RM800J BANGUNKAN PROJEK TERNAK, NIAGA, KOSMO -37	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
15.	PADI DISERANG SERANGGA, PENYAKIT, DALAM NEGERI, UM -31	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PNK)
16. 17. 18. 19. 20. 21.	500 IKAN LAGA BERTANDING PADA AMBANG TAHUN BARU, NEGARA, KOSMO -15 SUNGAI KLAH TERCEMAR MUSNAHKAN HABITAT KELAH, JAGA SUNGAI KITA, BH -20 DULU DI AWAN BIRU KINI JADI PENGUSAHA CENDAWAN, NEGARA, KOSMO -15 DULU ATAS AWAN, SEKARANG TANAM CENDAWAN, DALAM NEGERI, UM -12 TAUKE CENDAWAN RINDU 'TERBANG', LOKAL, HM -27 AMBIL LANGKAH JUAL NANAS, RAP, HM -43	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/1/2021	SINAR HARIAN	NEGERI	25

Maqis gagalkan cubaan seludup belangkas

LUMUT - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Perak menggagalkan cubaan membawa masuk 466 kilogram belangkas bernilai RM4,660 di Pintu Masuk Maqis Pelabuhan Lumut pada Rabu.

Pengarahnya, Rozita Superman berkata, belangkas yang diimport dari Indonesia itu didapati tidak mempunyai Permit Import yang sah yang dikeluarkan oleh Maqis.

“Semasa pemeriksaan tong ikan dari kapal import, belangkas tersebut ditemui dalam lapan tong yang sama yang berisi dengan ikan bagi mengaburi mata penguat kuasa.

“Perbuatan itu merupakan suatu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011,” katanya.

Menurutnya, sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau keduanya sekali.

Katanya, Maqis sentiasa menjalankan pemeriksaan di pintu masuk negara dengan teliti untuk memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikroorganisma yang diimport ke negara ini bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar.



SETAKAT ini hanya dua syarikat terbabit dalam penyalahgunaan logo halal kepada daging import.

KARTEL DAGING HARAM

Dalang palsu logo halal bakal didakwa

Oleh Zatul Iffah Zolkiply
am@hmetro.com.my

Kuala Berang

Syarikat pengimport daging yang dipercayai menjadi dalang memalsukan logo halal dalam kes kartel daging akan didakwa dalam masa terdekat.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, kertas siasatan berhubung kes syarikat yang berpangkalan di Johor Bahru itu hampir lengkap selepas mendapat keputusan analisis daging daripada Jabatan Kimia pada Isnin lalu.

Menurutnya, kertas siasatan itu akan dirujuk kepada timbalan pendakwa raya da-



ROSOL

lam masa terdekat untuk tindakan lanjut.

"Mengenai tular di media sosial yang mengatakan semua daging di Malaysia haram, ia tidak betul kerana berdasarkan laporan daripada Jabatan Perkhidmatan

Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), syarikat ini hanya mengedar kurang satu peratus sahaja dalam pasaran di negara ini.

"Jadi masyarakat tidak perlu gusar mengenai status daging import yang ada di pasaran kerana kita telah ambil tindakan," katanya.

Beliau berkata demikian di Program Gotong-Royong dan Penyerahan Sumbangan *Food Bank* kepada golongan memerlukan di Sekolah Kebangsaan (SK) Lubuk Periok, Hulu Terengganu di sini, semalam.

Mengulas mengenai dakwaan yang mengatakan syarikat yang dilaporkan media tidak sama dengan syarikat yang didakwa di mahkamah, Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu ber-

kata, pihaknya tidak pernah mendedahkan nama syarikat disiasat sehingga kes itu didakwa di mahkamah.

"Ada sesetengah pihak mendakwa isu kartel daging haram yang dibongkarkan, tetapi yang didakwa semalam kes lori.

"Tidak wajar timbul isu ini sebab kita sudah maklumkan sebelum ini syarikat yang dituduh adalah syarikat yang ada kaitan dengan syarikat yang sedang disiasat kerana isu kartel daging haram," katanya.

Menurutnya, setakat ini, hanya dua syarikat yang terbabit dalam penyalahgunaan logo halal berkenaan.

Pihaknya sentiasa memantau dan meneruskan siasatan sekiranya ada pembabit syarikat lain.

Dalang sebenar bakal didakwa

Keputusan analisis daging sudah diterima, sedang siapkan kertas siasatan

Oleh FARAH SHAZWANI

HULU TERENGGANU

Syarikat pengimport daging yang dipercayai menjadi dalang dalam pemalsuan logo halal membabitkan kes kartel daging akan didakwa dalam masa terdekat.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, keputusan analisis daging daripada Jabatan Kimia telah diperoleh pada Isnin lalu dan kertas siasatan berhubung kes syarikat yang berpangkalan di Johor Bahru itu kini sedang disiapkan.

Menurutnya, selepas dilengkapkan, kertas siasatan itu akan dirujuk kepada timbalan pendakwa raya untuk tindakan selanjutnya.

"Kita ambil maklum mengenai dakwaan yang tular di media sosial mengatakan semua daging import di Malaysia haram.



Rosol (dua dari kiri) melakukan kerja-kerja pembersihan pada Program Gotong-Royong dan Penyerahan Sumbangan Food Bank di SK Lubuk Perlok, Hulu Terengganu pada Khamis.

"Saya ingin tegaskan dakwaan itu tidak betul kerana berdasarkan laporan daripada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), syarikat ini hanya mengedar kurang satu peratus dalam pasaran di negara ini.

"Justeru, masyarakat tidak perlu gusar mengenai status daging import yang ada di pasaran kerana kita telah ambil tindakan," katanya pada Program Gotong-Royong dan Penyerahan Sumbangan Food Bank kepada golongan memerlukan di Sekolah Kebangsaan (SK) Lubuk Perlok di sini pada Khamis.

Sementara itu, mengu-

las mengenai dakwaan yang mengatakan syarikat yang dilaporkan media tidak sama dengan syarikat yang didakwa di mahkamah, Rosol menjelaskan, pihaknya tidak pernah mendedahkan nama syarikat yang disiasat sehingga kes itu didakwa di mahkamah.

"Ada sesetengah pihak mendakwa isu kartel daging haram yang dibongkarkan tetapi yang didakwa semalam (Rabu) ialah kes lori syarikat yang guna logo halal tidak diperakui.

"Tidak sewajarnya timbul isu ini sebab kita sudah maklumkan sebelum ini bahawa syarikat yang dituduh itu adalah syarikat

yang ada kaitan dengan syarikat yang sedang disiasat kerana isu kartel daging haram.

"Jadi, apabila ada pihak mengatakan kita melindungi pihak tertentu, ia adalah tuduhan tidak berasas sedangkan semuanya dalam tindakan dan siasatan kita. Syarikat yang menjadi dalang kes itu juga bakal didakwa," katanya.

Jelasnya, setakat ini hanya dua syarikat yang terbabit dalam penyalahgunaan logo halal berkenaan namun pihaknya sentiasa memantau dan meneruskan siasatan sekiranya terdapat pembabit syarikat lain.

Rosol: Frozen meat importer to be charged soon

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

KUALA BERANG: The frozen meat importer believed to be behind the meat cartel scandal will be charged soon, says Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid.

He said the investigation paper on the Johor Baru-based company was about to be completed and would be submitted to the Deputy Public Prosecutor for further action.

Rosol said the case was taking a bit of time because the meat samples had to be analysed by the Chemistry Department.

"When we want to charge (in court), the meat has to be sent to the laboratory to be analysed whether it is kangaroo meat, horse meat, pork or any meat," he said after launching a Food Bank Malaysia programme here yesterday.

The company is believed to have repackaged the meat using a logo belonging to a well-known Malaysian frozen meat producer and pasted uncertified Department of Islamic Development Malaysia (Jakim) halal logos.

Based on information from the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis), the company's distribution

accounts for only 1% of the country's meat market.

In early December, the authorities busted a cartel that had been importing meat from Brazil, Ukraine, Argentina and China and repackaging it with the halal logo.

The raid on a warehouse in Senai on Dec 1 saw the seizure of some 1,500 tonnes of frozen meat worth RM30mil.

The cartel, which had been operating for many years, allegedly used the warehouse as a location to make fake labels and stamps, which were then pasted on the packages of meat before being sold in the local market.

It managed to keep its operations secret by disguising itself as a frozen meat supplier.

In Johor Baru, state police chief Comd Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay said more reports over the scandal were expected to be lodged, particularly by consumer and Islamic affairs groups.

About 15 reports have been lodged so far by various quarters since the scandal was exposed.

"The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry lodged 13 reports while the Customs Department lodged one.

"Recently, another report was lodged by a non-governmental organisation in Kulai," he said.



When we want to charge (in court), the meat has to be sent to the laboratory to be analysed whether it is kangaroo meat, horse meat, pork or any meat.

Datuk Rosol Wahid



Isu kartel daging import

Syor guna sistem Kod QR

Penggunaan pada produk elak ketirisan di pintu masuk, kesan logo halal palsu

Oleh Zatul Iffah Zolkaply
bhnews@bh.com.my

Kuala Berang: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mencadangkan penggunaan sistem Kod QR pada produk import bagi menangani ketirisan di pintu masuk negara dan mengelak isu seperti kartel daging import dan pemalsuan logo halal berulung.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid, berkata ia juga bagi memudahkan pegawai agensi berkaitan di lapangan seperti pe- labuhan dan lapangan terbang mengesan daging sejuk beku atau mana-mana barangan import yang salah.

Katanya, sistem itu akan dapat mengurangkan bebanan petugas di pintu masuk negara dan agen- si penguat kuasa sekitarnya ber- laku sebarang salah laku dalam proses pengendalian kemasukan produk import ke Malaysia.

"Kita ada cadangan untuk me- mudahkan kerja dan menjadikan ia lebih efisien dengan penggu- naan Kod QR.

"Sebelum ini, ia (pengesanan) dilakukan secara manual, jadi ki- ta tahu beban pegawai, terutama yang bekerja di pelabuhan atau



belum ini bahawa syarikat yang dituduh semalam (kelmarin) ada kaitan dengan syarikat sedang disiasat dalam isu kartel daging import.

"Jadi apabila ada pihak me- ngatakan kita melirudungi pihak tertentu, ia adalah tuduhan tidak berasas, sedangkan semuanya dalam tindakan dan siasatan ki- ta. Syarikat yang menjadi dalang kes itu juga bakal didakwa," ka- tanya.

Beliau berkata, setakat ini, ba- nya dua syarikat terbabit dalam penyalahgunaan logo halal, namun pihaknya sentiasa memantau dan meneruskan siasatan sekiranya terdapat pembitihan syarikat lain.

Kelmarin, sepasang suami is- teri yang juga pengarah sebuah syarikat pembekal daging, didak- wa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas pertuduhan meoggu- nakan logo halal tanpa perakuan pihak berkuasa pada awal Disem- ber lalu.

Rahman Sheikh Abdullah, 44, dan Raihanah Kassim, 42, yang juga pemilik syarikat Raihanah Cold Storage Sdn Bhd (Raihanah Cold Storage), bagaimanapun tuduhan tidak bersalah sejurus tuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohamad Halder Abdul Aziz.

Mengikut pertuduhan perta- ma, Raihanah Cold Storage yang itu didakwa memperakui bahawa perkhidmatan berhubung syari- kat berkenaan adalah halal de- ngan menggunakan logo halal tanpa diperakui pihak berkuasa berhubung pada sebuah lori je- nama Isuzu.

kepada Timbalan Pendakwa Ra- ya dalam masa terdekat untuk tindakan lanjut," katanya.

Mengenai berita tular di media sosial mendakwa semua daging di Malaysia adalah haram, beliau berkata, ia tidak betul kerana ber- dasarkan laporan Jabatan Per- khidmatan Kuarantin dan Peme- riksaan Malaysia (MAQIS), sya- rikat terbabit hanya mengedar- kurang satu peratus daging sejuk beku di pasaran tempatan.

Mengulas dakwaan bahawa syarikat yang didedahkan media dalam isu itu tidak sama dengan syarikat yang didakwa, di mah-kamah di Johor Keluarin, Rosol menegaskan pihaknya tidak per- nah mendedahkan nama syarikat yang disiasat sehingga kes di- dakwa di mahkamah.

"Ada mendakwa isu kartel da- ging yang dihoak-hakan, tetapi tidak didakwa semalam kes lori. Tidak sewajarnya timbul isu ini sebab kita sudah maklumkan se-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/1/2021	SINAR HARIAN	NEGERI	25

Wanita bunuh kucing bunting direman empat hari



Suspek dibawa ke Mahkamah Bukit Mertajam bagi mendapatkan perintah reman pada pagi Khamis.

BUKIT MERTA JAM - Wanita yang didakwa memukul seekor kucing bunting sehingga mati di Jalan Pintas Kaloi petang Selasa lalu direman empat hari di Mahkamah Majistret Bukit Mertajam pada Khamis.

Perintah reman itu dikeluarkan Hakim, Ahzal Fariz Ahmad Khairuddin bagi membolehkan siasatan lanjut Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

Wanita berusia 51 tahun itu ditahan petang Rabu akan disiasat mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Pada Rabu, *Sinar Harian* melaporkan seorang wanita memukul hingga mati kucing

itu disebabkan haiwan berkenaan membuang najis di hadapan rumahnya di sebuah flat di Pintas Kaloi 1 di sini petang Selasa.

Dalam kejadian jam 1.20 petang itu, wanita berkenaan dilihat memukul dua kucing yang berada berhampiran rumahnya dengan sebatang besi hingga menyebabkan seekor lagi cedera pada bahagian mulut.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Asisten Komisioner Shafee Abd Samad berkata, tindakan wanita itu disedari penduduk yang duduk berehat di sebuah pondok berhampiran tempat kejadian.

Wanita 51 tahun bunuh kucing bermalam di lokap

SEBERANG PERAI – Seorang wanita yang dipercayai memukul seekor kucing bunting sehingga mati dalam kejadian di sebuah pangsapuri di Pintas Kalui 1, Seberang Jaya di sini kelmarin direman selama empat hari bermula semalam.

Perintah reman itu dikeluarkan Hakim Mahkamah Sesyen Bukit Mertajam di sini yang bertindak sebagai Majistret, Ahzal Fariz Ahmad Khairuddin.

Terdahulu, suspek berusia 51 tahun itu tiba di pekarangan mahkamah pada pukul 10 pagi dengan dibawa anggota polis serta pegawai penyiasat Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri.

Suspek yang memakai baju lokap dan tangan bergari kelihatan tenang sepanjang proses permohonan reman berlangsung.

Kosmo! semalam melaporkan dalam kejadian pada pukul 1.20 tengah hari kelmarin, sus-

pek memukul dua ekor kucing yang sedang diberi makan oleh orang awam.

Tindakan itu dilakukan kerana dipercayai berang dengan beberapa ekor kucing yang sebelum itu membuang najis di hadapan rumahnya.

Seekor kucing bunting mati, manakala seekor lagi luka di mulut.

Kes disiasat di bawah Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan Seksyen 324 Kanun Keseksaan.

Sementara itu, pegawai penyiasat JPV, Azhar Ahmad berkata, pihaknya merampas pakaian suspek dan besi yang digunakan pada hari kejadian.

Haiwan yang cedera ditempatkan di bawah jagaan pihak JPV untuk rawatan lanjut.

"Siasatan mendapati haiwan yang dipukul itu adalah kucing liar yang berkeliaran di kawasan tersebut sebelum ini," kata Azhar.



SUSPEK dibawa keluar selepas permohonan reman dibuat di Mahkamah Bukit Mertajam semalam.

Broker pukul, bunuh kucing direman

Perintah reman
empat hari
boleh JPV
jalankan siasatan

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Bukit Mertajam: Polis menahan reman wanita yang dipercayai memukul dua kucing sehingga seekor mati di Seberang Jaya, Selasa lalu.

Perintah reman selama empat hari itu dikeluarkan Hakim Ahzal Fariz Ahmad Khairuddin bagi membantu siasatan mengi-

kut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Tahanan sehingga Ahad ini untuk membolehkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) melakukan siasatan.

Suspek yang berpakaian lokaip dibawa ke Mahkamah Majistret, di sini pada jam 10 pagi semalam oleh polis.

Dalam kejadian pada jam 1.20 tengah hari Selasa lalu, wanita yang bekerja sebagai broker berusia 51 tahun itu dikatakan ber-rang terhadap dua kucing berkenaan yang membuang najis di depan rumahnya.

Ekoran itu, dia mengambil sebatang besi dalam keretanya sebelum memukul dua kucing yang



Suspek dibawa ke Mahkamah Sesyen Bukit Mertajam, semalam.

(Foto Nur Izzati Mohamad/BH)

ketika itu sedang makan.

Seekor kucing yang bunting mati, manakala seekor lagi luka di mulut. Kejadian disedari seorang juruteknik lelaki berusia 30 tahun yang melaporkannya ke pada JPV.

Sementara itu, Pegawai Penerima JPV, Azhar Ahmad, berkata siasatan awal pihaknya mendapati dua kucing berkenaan tidak bertuan dan berteluran di kawasan perumahan berkenaan.

“Semalam pegawai JPV pergi

semula ke rumah suspek selepas soal siasat dijalankan dan membuat rampasan pakaian serta besi yang dipercayai digunakan suspek dalam kejadian itu.

“Sebelum itu, kita sudah mengambil bangkai kucing yang mati dan dibantar ke makmal veterinar untuk proses bedah siasat,” katanya.

Seekor lagi kucing yang cedera dilaporkan masih menerima rawatan berikutan sukar untuk makan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/1/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Wanita pukul kucing terima padah

BUKIT MERTAJAM: Perbuatan kejam seorang wanita yang dituduh memukul dan mendera kucing hingga mati kelmarin akhirnya menerima padah apabila dia ditahan reman empat hari bermula hari ini bagi membantu siasatan pihak berkuasa.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan Hakim Mahkamah Sesyen di sini, Ahzal Fariz Ahmad Khairuddin pagi ini.

Terdahulu, suspek berusia 51 tahun tiba di mahkamah kira-kira pukul 10 pagi dengan diiringi anggota polis dan anggota penyiasat daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri.

Dia yang memakai baju lokap berwarna jingga dengan tangan bergari kelihatan tenang sepanjang proses itu berjalan.

Dalam kejadian kira-kira pukul 1.20 petang di pekarangan sebuah pangsapuri di Seberang Jaya itu, suspek dikatakan bertindak memukul dua ekor kucing yang sedang diberi makan oleh seorang rakan pengadu yang juga saksi kejadian.

Akibat kejadian itu, salah seekor kucing tersebut yang dalam keadaan bunting mati manakala seekor lagi iaitu anak kucing luka di bahagian mulut.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Asisten Komisioner Shafee Abd. Samad berkata, selain disiasat di bawah Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015, polis turut menyiasat kes tersebut di bawah Seksyen 324 Kanun Keseksan selepas suspek dipercayai dipukul oleh beberapa individu susulan tindakan kejamnya terhadap kucing-kucing itu.

Sementara itu, pegawai penyiasat JPV, Azhar Ahmad memberitahu, pihaknya merampas pakaian yang digunakan suspek pada hari kejadian selain senjata iaitu besi yang digunakan bagi tujuan siasatan.



SUSPEK ditirngi pegawai JPV di pelcrangan mahkamah.

Wanita bunuh kucing direman

Si bulus dipukul sampai mati tidak bertuan manakala kucing cedera bengkok di muka

Oleh Nur Izzati
Mohamad
am@hmetro.com.my

Bukit Mertajam

Seorang wanita yang dikatakan memukul dua kucing menyebabkan seekor daripadanya mati pada kejadian di Pintas Kalut, Seberang Jaya Selasa lalu direman hingga Ahad ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Perintah reman dikeluarkan Hakim Ahzal Fariz Ahmad Khairuddin. Ia bagi membolehkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) melakukan siasatan.

Terdahulu suspek yang

berpakaian lokap dibawa ke Mahkamah Majistret di sini, jam 10 pagi semalam oleh polis.

Sementara itu, Pegawai Penyiasat JPV Azhar Ahmad berkata, siasatan awal pihaknya mendapati, dua kucing itu tidak bertuan dan berkeliaran di kawasan perumahan berkenaan.

"Semalam (kelmarin), JPV pergi semula ke rumah suspek selepas soal siasat dijalankan serta membuat rampasan pakaian serta besi yang dipercayai digunakan suspek dalam kejadian itu.

"Sebelum itu, kita sudah mengambil bangkai kucing berkenaan dan di-

hantar ke makmal veterinar untuk bedah siasat," katanya. Kucing

yang cedera masih dirawat berikutan mukanya bengkok dan sukar untuk makan.

Pada kejadian jam 1.20 tengah hari itu, wanita yang bekerja sebagai broker berusia 51 tahun itu dikatakan berang apabila kedua-dua kucing berkenaan membuang najis di hadapan rumahnya.

Ekoran itu, dia dikatakan mengambil sebatang besi dalam keretanya sebelum memukul dua kucing berkenaan yang ketika itu sedang makan.

Akibatnya, kucing yang bunting mati manakala seekor lagi luka di mulut.

Kejadian bagaimanapun disedari seorang juruteknik lelaki berusia 30 tahun yang kemudian melaporkannya kepada JPV untuk tindakan lanjut.

Suspek berang kedua-dua kucing membuang najis di hadapan rumahnya

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/1/2021	HARIAN METRO	LAPORAN KHAS	2

Saya sendiri rasa sakit hati: Soon Ping

Tasak Gelagor: Semua penternak babi di Kampung Selamat di sini, diminta bertanggungjawab dengan tidak melepaskan sisa najis haiwan itu secara terus ke dalam Sungai Kereh bagi menjaga kebersihan penduduk kampung yang sudah empat dekad terseska dengan isu pencemaran.

Pengerusi Persatuan Penternak Babi Pulau Pinang Wong Soon Ping berkata, setiap penternak perlu sensitif supaya ia tidak mengganggu perkhidmatan penternak lain yang mengikar peraturan serta undang-undang diterapkan pihak berkuasa.

Katanya, beliau sudah banyak kali menasihati serta memberi tolong-ajak kepada penternak tradisional untuk mengubah sistem ternakan kepada moden dalam usaha tidak mahu berlaku gangguan dan kacau-bilau dalam perniagaan babi pada masa depan.

"Tilaklah isi ini, sebagai penternak bertanggungjawab, saya sendiri berasa sakit hati apabila melihat penternak lain tidak ikut pada undang-undang hingga mendapat banyak aduan."



SOON Ping

"Saya tidak mahu gangguan dan kacau-bilau ini mejejaskan perniagaan penternak babi lain."

"Oleh itu, saya mohon kepada semua penternak babi di kampung Selamat, tolong bertanggungjawab dan mengekalkan keharmonian kampung dengan tidak membuat penduduk marah," katanya dihubungi Harian Metro semalam.

Jelasnya, beliau ditambahkan ada 26 ladang ternakan babi di kampung itu yang disiasat polis.

Ladang ternakan babi terbahagi disiasat kerana dipercayai melepaskan sisa najis secara terus ke Sungai Kereh.

"Hasil siasatan dijangka diperolehi minggu hadapan, jika penternak terbahagi didakwa dan didapati bersalah, maka sedia terima hukuman sewajarnya," katanya.

Mengulas mengenai Enakmen Penternakan Babi 2016 dan Peraturan Penternakan Babi Negeri Pulau Pinang 2020 bakal dikuatkuasa bermula hari ini, Soon Ping berkata, beliau meletakkan harapan tinggi enakmen serta peraturan itu dapat membantu menyelesaikan permasalahan penduduk.

Oleh Nur Izzati Mohamad
am@hmetro.com.my

Tasak Gelagor

Sinsatan pihak berkuasa sama ada terdapat 'orang dalam' bersubahat dalam isu pelepasan najis babi ke dalam Sungai Kereh dijangka mampu menyelesaikan masalah yang berlarutan selama empat dekad itu.

Pengerusi Badan Bertindak Sungai Kereh Abdul Razib Abdul Rahim berkata, pihaknya bekerja keras apabila mengumpul



LAPORAN Harian Metro, semalam.

data diperlukan bagi membantu mengatasi permasalahan penduduk yang berlarutan 40 tahun.

"Badan bertindak baharu ditubuhkan pada Mei lalu bekerjasama rapat dengan beberapa badan bukan

kerajaan (NGO) khususnya dari Sahabat Alam Malaysia (SAM) dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) termasuk Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), kariah masjid, persatuan nelayan serta pesawah.

"Terbaharu, kami pergi mengambil sampel air dan keputusannya akan diketahuhi tidak lama lagi di mana kami percaya 90 peratus punca pencemaran bukan disebabkan buangan domestik, tetapi dari najis babi dibuang terus ke dalam Sungai Kereh sepanjang 13 kilometer ini."

"Akibatnya, hampir 20,000 penduduk dari tujuh kampung menerima tempas dan menderita tanpa ada penyelesaian hingga sekarang," katanya.

PENCEMARAN LADANG BABI

SIASAT ONAR 'ORANG DALAM'



Menurutnya, pihaknya akan menyediakan laporan bertulis sebelum data diperoleh sebelum membuat laporan polis.

Katanya, mereka tidak teragak-agak membawa perkara itu ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana hairan masalah itu gagal diatasi sehingga kini hingga wujudnya tafsiran ada orang dalam.

"Apa yang kami lakukan untuk penduduk dan setakat tiada ancaman dari mana-mana pihak namun sekiranya ada kami tetap akan berusaha demi penduduk di sini," katanya.

Isu pencemaran Sungai Keroh mendapat perhatian Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) yang

menubuhkan Jawatankuasa Pasukan Khas bagi menangani permasalahan berkenaan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang pula akan menguatkuasakan Enakmen Penternakan Babi 2016 bermula 1 Januari 2021 di mana ia dijangka dapat menyelesaikan isu terbabit.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang Dr Anun Man berkata, pihaknya diberi kuasa melaksanakan enakmen terbabit termasuk Peraturan-Peraturan Pelesenan Penternakan Babi Negeri Pulau Pinang 2020 yang akan bermula awal tahun hadapan.

"Bermula pada 1 Januari 2021, JPV mengeluarkan

lesen aktiviti penternakan dan ladang ternakan tanpa lesen akan dikenakan tindakan kompaun tidak melebihi RM15,000.

"Ada 31 syarat pelesenan perlu dipatuhi penternak babi yang mendapat lesen, dan sekiranya mereka gagal maka tindakan penguatkuasaan akan diambil," katanya.

Katanya, semua ladang babi mematuhi syarat yang ditetapkan akan dilesenkan mengikut kategori keadaan ladang bagi memudahkan proses penguatkuasaan di bawah enakmen dan peraturan yang akan dikuatkuasakan kelak.

"Dengan pengurusan ladang babi yang teratur pastinya isu pencemaran dapat diatasi," katanya.



Air sungai berwarna gelap serta berbau akibat pencemaran di Sungai Keroh, kampung Tok Bedu, Esak Gelang.



kerajaan negeri mengontribut perhatian serius terhadap masalah pencemaran bau busuk di Malim Nawar, dekat sini, yang didakwa berpunca dari kandang babi terletak berdekatan pemukiman penduduk.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perikanan, Perladangan dan Sekuriti Makanan negeri Datuk Abdul Yunus Jamahri berkata, pihaknya menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Dua ladang diminta kawal pencemaran bau

JPV Perak menyatakan tahap pencemaran bau di kedua-dua ladang babi berkenaan berada pada tahap rendah"

Abdul Yunus

(JPV) Perak melakukan siasatan berhubung permasalahan itu.

Memutuskannya, siasatan yang dijalankan mengesahkan ada dua ladang babi di kawasan itu dengan kedua-duanya berdaftar dan dilesenkan JPV.

Katanya, penelitian mendapati jarak antara kedua-dua ladang terbabit

dengan kawasan perumahan melebihi 2.4 kilometer dengan tahap pengurusan dan kebersihan ladang berada di tahap baik termasuk dari segi pemuliharaan sistem pengolahan kumbahan.

"Berdasarkan kepada pemerhatian itu, JPV Perak menyatakan tahap

pencemaran bau di kedua-dua ladang babi berkenaan berada pada tahap rendah namun pengusaha kedua-dua ladang itu pernah diberi Surat Amaran Tegus bertarikh 13 Julai lalu.

"Mereka diminta meningkatkan kadar kepekatan produk *effective microorganism* (EM) yang digunakan bagi mengawal pencemaran bau lalu kepada dua kali ganda atau lebih dalam makanan,

rawatan kolam kumbahan, rawatan sisa pepejal dan sebagainya," katanya.

Abdul Yunus berkata, pencemaran bau juga didapati berpunca daripada tindakan pengusaha

terbabit membawa ternakan babi hidup menggunakan jalan dan laluan kawasan perumahan bagi tujuan jualan.

"Bagi masalah ini, kedua-dua pengusaha diarahkan serta-merta untuk menggunakan jalan alternatif iaitu Jalan Malim Nawar-Kuboh yang jauh dari perumahan penduduk.

"Kegagalan mematuhi notis yang dikeluarkan boleh menyebabkan penggantungan serta pembatalan lesen kerana kesalahan melanggar syarat lesen, iaitu mengikut Seksyen 33 (C) Enakmen Pengawalan Penternakan Babi 1992.

"JPV juga akan membuat pemantauan bertulis dan secara berhala bagi memastikan pengusaha terbabit mematuhi arahan yang dikeluarkan," katanya.



1/1/2021

SINAR
HARIANNEGERI TERENGGANU/
KELANTAN

29

MARDI Kelantan lahir 40 usahawan

Termasuk bantuan geran RM775,000 sejak 2015

Oleh SITI FATIMAH AWANG

TUMPAT

Seramai 40 usahawan berjaya dibimbing Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) Kelantan termasuk menyediakan bantuan geran RM775,000 sejak 2015.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, usahawan tersebut juga telah berjaya menghasilkan nilai jualan kasar sehingga jutaan ringgit.

"Berdasarkan nilai jualan kasar tahunan, seramai 17 usahawan berada pada tahap tiga iaitu mempunyai pendapatan RM100,000 hingga

RM300,000 manakala 21 usahawan berjaya membuat jualan kasar tahunan di tahap empat iaitu melebihi RM300,000 hingga RM5 juta.

"Selain itu kita turut melancarkan seramai 38 orang agropreneur muda yang dibangunkan MARDI Kelantan dengan geran berjumlah RM577,400.

"Ini satu pencapaian yang hebat dan kejayaan ini perlu diteruskan pada masa akan datang," katanya kepada pemberita di sini pada Khamis.

Terdahulu, beliau menyempurnakan Majlis Penyerahan Touchpoint Kepada Usahawan Bimbingan, Agropreneur Muda dan Peserta Rezeki Tani MARDI Kelantan di MH Mohd Industries Sdn Bhd di sini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor.



Che Abdullah (dua, kanan) melihat produk yang dihasilkan MH Mohd Industries Sdn Bhd di Meraak, Tumpat di sini, pada Khamis.

nakan, perniagaan hasil pertanian, industri asas tani, perkhidmatan pertanian dan sebagainya.

Pada tahun lalu, katanya, seramai 14 peserta menerima bantuan peralatan dan latihan dengan peruntukan RM140,000 manakala tahun ini pula seramai 11 peserta sedang dibantu dengan peruntukan bernilai RM110,000.

"Ini adalah bukti kejayaan daripada perkhidmatan yang disediakan oleh MARDI yang merangkumi khidmat nasihat teknikal serta bimbingan berkaitan teknologi, inovasi dan membantu dalam permohonan untuk mendapatkan geran yang bersesuaian bagi peningkatan daya pengeluaran serta melaksanakan kursus dan latihan," katanya.

Che Abdullah turut melancarkan lawatan ke Akif Cafe, syarikat Berkat Rezeki Yieana, Fatim Licious Legacy dan akhirnya di MH Mohd Industries Sdn Bhd.

Mengulas lanjut, Che Abdullah berkata, pelaksanaan Azam Tani atau Rezeki Tani di MARDI Kelantan pula berjaya membimbing 508 peserta yang mengusahakan tanaman, ter-

Pada majlis sama, beliau turut menyampaikan Geran Pemadanan (HIP) kepada Pengasas MH Mohd iaitu Muhammad Yusoff berjumlah RM150,000.

Pelabur Bahrain labur RM800j bangunkan projek ternak

Oleh TOREK SULONG

PASIR PUTEH – Pelabur dari Bahrain bersetuju untuk melabur dana sebanyak RM800 juta bagi membangunkan projek usaha sama penternakan ayam daging di negara ini.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Malaysia, Datin Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, perbincangan peringkat awal yang diadakan dengan wakil kerajaan Bahrain di ibu negara kelmarin mampu memberi harapan baharu kepada sektor penternakan ayam domestik.

Menurutnya, ia akan membuka peluang pekerjaan selain membantu pembangunan halal bagi pengeluaran daging ayam.

"Saya akan membincangkan perkara ini dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk melibatkan Pertubuhan Peladang dalam projek yang berdaya maju ini.

"Pelabur berkenaan turut berminat melabur dalam pengeluaran anak benih ayam selain pembinaan kilang pemprosesan makanan ayam.

"Hasil ternakan yang diusahakan akan dieksport ke negara



NIK MUHAMMAD ZAWAWI (dua, kiri) menunjukkan madu kelulut Peladang yang dihasilkan oleh Peladang Nita di Pasir Puteh semalam.

mereka selain bagi memenuhi permintaan domestik," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Dialog Bersama Peladang Wanita (Peladang Nita) di Dewan Utama Pejabat Ahli Parlimen Pasir Puteh di sini semalam.

Sementara itu, Nik Muhammad Zawawi berkata, pengusahaan tempatan perlu merebut peluang untuk memperluaskan dagangan hasil pertanian dan industri hiliran mereka ke pasaran Asia Barat. Jelasnya, sos cili dan madu kelulut antara produk yang dijangka mendapat permintaan tinggi di negara-negara tersebut apabila pemasaran yang lebih efektif dilakukan selepas pandemik Covid-19 berakhir.

Padi diserang serangga, penyakit

Oleh Zaid Mohd. Noor
utusannews@mediamula.com.my

PADANG TERAP: Kira-kira 80 pesawah yang mengusahakan tanaman padi di kawasan Unit Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Padang Balai, Kuala Nerang di sini mendakwa mengalami kerugian apabila tidak dapat memasarkan padi yang dituai dipercayai diserang serangga dan padi angin.

Mereka mendakwa hasil sawah yang diusahakan di kawasan seluas lebih 80 hektar terpaksa dipotong tinggi antara 70 hingga 80 peratus olei pengilang pada musim ini.

Malah terdapat pesawah lain yang tidak dapat memasarkan keseluruhan hasil tuaian padi dan terpaksa menanggung kerugian antara RM800 hingga RM1,000 setiap 0.28 hektar (satu relong).

Utusan Malaysia difahamkan, terdapat beberapa unit PPK di daerah ini mengalami masalah padi rosak musim ini.

Ketua Unit PPK Padang Balai, Azizan Ismail, 60, berkata,

ai," katanya di sini semalam.

Kelmarin Utusan Malaysia melaporkan pakar akademik bimbang kemerosotan hasil pesawah sehingga 30 peratus berikutan kadar potongan tinggi yang dikenakan pengilang terhadap hasil padi dijual petani.

Ketua Kluster Sekuriti dan Keselamatan Makanan Akademi Profesor Malaysia (APM), Prof. Datin Fatimah Mohamed Arshad berkata, masalah yang dihadapi petani itu berpunca daripada kaedah 'ketepatan' ukuran yang diguna pakai di samping 'kejujuran' pengilang sendiri dalam meletakkan kadar potongan.

Azizan memberitahu, dia mengbantar padi yang rosak itu kepada Jabatan Pertanian Daerah Padang Terap untuk dianalisis punca dan jenis penyakit sebenar yang menyerang kawasan tersebut.

Seorang lagi pesawah, Sukri Ismail, 49, pula berkata, pada musim ini, dia mengusahakan tanaman padi kawasan seluas 0.34 hektar terkejut sebahagian besar hasil tanamannya rosak dan tidak dapat dijual.



PESAWAH menunjukkan padi milik mereka yang tidak boleh dituai akibat penyakit dan serangan serangga di Kampung Tengah, Kuala Nerang semalam. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

kebiasaannya pengilang memotong hasil tuaian padi antara 23 hingga 30 peratus setiap musim.

Namun katanya, pada musim ini kebanyakan pesawah terjejas

pendapatan kerana hasil tuaian dipotong 70 hingga 80 peratus.

"Hasil tuaian padi mereka sebelum ini tidak pernah dipotong sehingga melebihi 40 peratus.

"Lebih menyedihkan terdapat pesawah yang terpaksa berhutang dengan pihak koperasi apabila keseluruhan hasil padi yang ditanam tidak dapat ditu-

500 ikan laga bertanding pada ambang tahun baru

KOTA BHARU – Pertandingan kecantikan ikan laga Betta Kijang Emas menjadi tarikan utama pada program Sempena Sambutan Ambang Tahun Baru 2021 yang bermula malam ini hingga Sabtu di Medan Ikan Bakar Kedai Buloh di sini.

Program anjuran Pertubuhan Ayahanda Anakanda Malaysia (PAAK) turut menawarkan hadiah keseluruhan wang tunai lebih RM5,000 dan hadiah utama berupa sebuah motosikal jenis SYM 110 SR.


Ketua Penerangan PAAK, Datuk Seri Dr. Mohd. Fared Abdul Ghani berkata, program julung kali dianjurkan itu mendapat sambutan amat menggalakkan kerana lebih 500 ekor ikan laga akan bertanding dalam program itu.

“Kategori akan dipertandingkan iaitu terbuka anak ikan laga, terbuka remaja, terbuka betina, pradewasa, dewasa, pelbagai warna dan warna gelap.

“Pertandingan ini diadakan untuk menguji dan menilai kecantikan bagi setiap seekor ikan laga yang bertanding,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Katanya, PAAK juga telah mengaturkan pelbagai aktiviti menarik seperti pertunjukan bunga api pada pukul 12 malam, persembahan wayang kulit dan cabutan bertuah.

Tambahnya, semua aktiviti dijalankan akan mematuhi prosedur operasi standard bagi mengekang penularan wabak Covid-19.



CONTOH ikan laga dalam pertandingan ikan laga Betta Kijang Emas sempena Program Ambang Tahun Baru 2021.

Sungai Klah tercemar musnahkan habitat kelah

Penduduk mahu
pembenihan ikan
disusuli usaha
pulihara sumber
air konsisten,
sistematis

Oleh Rosman Shamsudin
bhnews@bh.com.my

Sungai: Suatu ketika dahulu, Sungai Klah terkenal dengan banyak spesies ikan kelah bersaiz besar yang menjadi tumpuan pemancing dan sebagai sumber rezeki penduduk setempat, namun kini keadaan sudah berubah.

Walaupun sungai berkenaan masih menjadi habitat kelah, apa yang tinggal hanya ikan bersaiz

kecil dan sukar dicari, malah ada juga spesies yang telah pupus. Jika dahulu, baung, sebarau dan udang galah turut menjadi sumber rezeki penduduk, spesies berkenaan juga semakin kurang kelibat.

Penduduk Kampung Klah Baru, Azman Md Noor, 52, berkata habitat di Sungai Klah menjadi mangsa kerana sumber air berkenaan tidak dipulihara dengan baik sejak dahulu.

"Dahulu, kami boleh berbangga kerana di kampung ini ada sungai yang kaya dengan pelbagai spesies ikan bersaiz besar, terutama ikan kelah yang mempunyai nilai pasaran tinggi. Ikan kelah memang masih ada, namun saiznya kecil dan sukar dicari serta ada juga spesies ikan yang telah pupus di sungai ini."

"Sebelum ini, ada juga usaha pembenihan ikan dilaksanakan oleh pihak tertentu di sungai ini,



Azman (kiri) dan Ahmad Saperi menunjukkan Sungai Klah yang dahulunya terkenal dengan banyak spesies ikan kelah bersaiz besar.
(Foto Rosman Shamsudin/BH)

namun tidak berhasil," katanya ketika ditemui.
Beliau berkata, keadaan ini disebabkan pencemaran sungai dipercayai berpunca daripada pembuangan sisa kilang yang tidak terkawal sebelum ini, sekali gus memusnahkan habitat dan spesies hidupan sungai.

Katanya, jika ikan kelah masih banyak seperti dahulu, sudah tentu ia boleh menjadi sumber pendapatan penduduk kerana harganya mampu mencecah ribuan ringgit setiap kilogram.

Seorang lagi penduduk, Ahmad Saperi Abd Rahim, 57, pula berkata apabila berbicara mengenai Sungai Klah, pasti ada yang bertanya sama ada masih terdapat ikan kelah di sungai berkenaan.

"Bagi memastikan generasi akan datang faham kaitan nama Sungai Klah dengan ikan kelah, saya mencadangkan agar usaha pembenihan ikan itu dilakukan di sungai ini. Pembenihan ikan perlu disusuli pemuliharaan sungai yang

konsisten dan sistematis.

"Paling utama, jangan biarkan mana-mana pihak melakukan pencemaran sungai," katanya.

Beliau turut memuji usaha BH mewujudkan ruangan khas 'Jaga Sungai Kita' yang diharapkan mampu membuka mata masyarakat mengenai betapa seriusnya kesan yang diterima jika gagal memelihara sungai yang menjadi antara komponen penting kepada manusia sebagai sumber air.

Dulu di awan biru kini jadi pengusaha cendawan

LUMUT - Jika sebelum ini perlu bangun awal pagi untuk mengemudi pesawat membelah awan, kini rutin harian itu dilakukan untuk menjana pendapatan menerusi penanaman cendawan demi meneruskan kelangsungan hidup.

Itulah perubahan drastik yang terpaksa dilalui Kapten Muhammad Afiq Shaid, 31, selepas diberhentikan kerja sebagai juruterbang Malindo Air, gara-gara pandemik Covid-19.

Mengakui sukar menerima hakikat itu pada mulanya, namun minat dalam bidang pertanian yang sudah sedia ada dalam diri serta sokongan keluarga membolehkannya kental meneroka cabaran baru itu.

Selain itu, semangat ditunjukkan bekas juruterbang dan kru

penerbangan lain melakukan pelbagai kerja termasuk memandu ka warung makanan, pemandu e-hailing, penghantar makanan, membuka kedai runcit dan sebagainya, turut menyuntik motivasi kepadanya.

"Sebaik diberhentikan kerja awal November lalu, saya terus terfikir menceburi bidang pertanian kerana keluarga ada tanah kira-kira setengah hektar yang ditanam pokok sawit.

"Selepas membuat kajian, saya mendapati penanaman cendawan tiram kelabu sesuai diusahakan di kawasan kebun sawit berbanding tanaman lain kerana tidak memerlukan percaayaan banyak selain permintaan tinggi," katanya ketika ditemui di kediaman keluarganya di Teluk Rubiah dekat sini.



AFIQ melihat cendawan yang diusahakannya sendiri di Teluk Rubiah semalam.

Kini, beliau sudah memiliki 6,000 kebuk atau bongkah cendawan sehari di pasaran sekitar daerah Manjung termasuk

membekalkannya ke pasar raya, pasar pagi dan jualan terus kepada pelanggan.

Katanya, produk cendawannya mengguna pakai jenama Teluk Rubiah's Kitchen iaitu jenama sama yang digunakan keluarannya untuk produk peria goreng dan madu kelulut.

"Pernah juga ada rasa hampir putus kerana semua kena buat sendiri daripada menanam, menyemai, memetik, membungkus, buat promosi, kena belajar buat akaun, kena sentiasa jaga tanaman elak jangkitan dan serangga perosak, selain perlu bangun awal pagi setiap hari.

"Tapi pada masa sama gem-bira juga sebab dapat balik kampung dan bersyukur masih ada peluang untuk terus bekerja," jelasnya.

1/1/2021

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

12



MUHAMMAD Afiq Shaid kini mengusahakan tanaman cendawan di rumah keluarganya di Teluk Rubiah, Seri Manjung selepas diberhentikan kerja sebagai juruterbang Malindo Air awal November lalu. - UTUSAN/
SHAMSUL KAMAL AMARUDIN

Dulu atas awan, sekarang tanam cendawan

Oleh SHAMSUL
KAMAL AMARUDIN
utusannews@medianmuka.com.my

LUMUT: Sebelum ini, adakalanya Kapten Muhammad Afiq Shaid, 31, perlu bangun awal pagi untuk mengemudi pesawat membelah awan.

Kini bangun awal pagi menjadi rutin harian untuknya menjana pendapatan menerusi penanaman cendawan, demi meneruskan kelangsungan hidup.

Itu perubahan drastik yang terpaksa dilalui Muhammad Afiq selepas diberhentikan daripada pekerjaan juruterbang Malindo Air, gara-gara pandemik Covid-19.

Mengakui sukar menerima hakikat itu pada mulanya, namun minat dalam bidang pertanian yang sudah sedia ada dalam diri dan sokongan keluarga membolehkannya kental meneroka cabaran baharu itu.

Selain itu, semangat ditunjukkan bekas juruterbang dan kru penerbangan lain melakukan pelbagai kerja termasuk membuka warung makanan, pemandu e-hailing, penghantar makanan, membuka kedai runcit dan sebagainya, turut menyuntik motivasi

kepadanya.

"Sebaik sahaja diberhentikan kerja awal November lalu, saya terus terfikir menceburi bidang pertanian kerana keluarga ada tanah kira-kira setengah hektar yang ditanam pokok sawit.

"Selepas buat kajian, didapati penanaman cendawan tiram kelabu sesuai diusahakan di kawasan kebun sawit berbanding tanaman lain kerana tidak memerlukan pencahayaan banyak seperti tanaman lain, selain permintaan tinggi," katanya ketika ditemui di kediaman keluarganya di Teluk Rubiah dekat sini semalam.

Kini, beliau sudah memiliki 6,000 kebuk cendawan dan menjual antara 10 hingga 11 kilogram cendawan sehari di pasaran sekitar daerah Manjung termasuk membekalkannya di pasar raya Ikhwan, pasar pagi dan jualan terus kepada pelanggan.

Katanya, produk cendawannya mengguna pakai jenama Teluk Rubiah's Kitchen iaitu jenama sama yang digunakan keluarganya untuk produk peria goreng dan madu kelulut.

"Pernah juga ada rasa hampir putus asa kerana semua kena buat sendiri daripada menanam,

menyemai, memetik, membungkus, buat promosi, kena belajar buat akaun, kena sentiasa jaga tanaman elak jangkitan dan serangga perosak, selain perlu bangun awal pagi setiap hari.

"Tapi pada masa sama gembira juga sebab dapat balik kampung dan bersyukur masih ada peluang untuk terus bekerja walaupun pendapatan 10 kali ganda kurang daripada sebelum ini.

"Dua anak perempuan saya usia tiga dan satu setengah tahun paling seronok dapat duduk di kampung sebab di Kuala Lumpur kami tinggal di pangsapuri," katanya.

Beliau bersyukur mendapat sokongan kedua ibu bapanya dan isteri, Nurjannah Nasaruddin, 30, yang bekerja sebagai guru sekolah di ibu negara serta sahabat handai, selain gembira dengan agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian yang banyak memberi bimbingan dan nasihat.

Muhammad Afiq juga tidak berasa malu menceburi bidang pertanian walaupun sebelum ini menjadi juruterbang Wings Air di Indonesia dari 2011 hingga 2014 sebelum mengemudi pesawat Malindo Air bermula 2015 hingga Oktober lalu.

Tauke cendawan rindu 'terbang'

Bekas pilot kini mengusahakan sumber rezeki baharu selepas ditamatkan perkhidmatan

Oleh Noor Hidayah
Tanzizi
an@hmetro.com.my

Manjung

"Melihat cendawan yang diusahakan mengeluarkan hasil cukup menggembirakan namun jika ada rezeki dan peluang, saya mahu kembali 'terbang'," kata bekas juruterbang, Kapten Mubammad Afiq Shaid, 31.

Muhammad Afiq yang mempunyai pengalaman hampir 10 tahun dalam industri penerbangan mengakui agak sukar ketika memulakan kerjaya barunya di rumah cendawan selepas terbabit pengecilan operasi syarikat penerbangan pada November lalu.

Namun sokongan keluarga terutama isteri, Nurjanah Nasaruddin, 30, dan ibu bapanya menguatkan semangatnya untuk menanam cendawan, malah kini dia memiliki kira-kira 6,000 bongkah tanaman cendawan tiram.

Menurutnya, melepaskan kerjaya yang sangat diminati dan sehati dengan dirinya bukan mudah apatah lagi memikirkan tanggungan dan keluarganya.

Katanya, dia memulakan kerjayanya pada 2011 di Indonesia sebelum kembali bertugas di tanah air sejak 2015 hingga ditamatkan perkhidmatan.

"Saya tidak menyalahkan sesiapa atas apa yang berlaku kerana ia (penularan Covid-19) datang tanpa diduga dan menjejaskan banyak pihak, sekali gus mengubah kehidupan saya 100 peratus.

"Namun saya bersyukur dan gembira dengan kehidupan sekarang. Anak-anak juga seronok di kampung namun rasa sedih itu tetap ada," katanya ditemui di rumah ibu bapanya di Teluk Rubiah, Manjung.

Bapa kepada dua anak perempuan itu berkata, ketika industri penerbangan dihambat kesuraman akibat Covid-19, dia membuat perancangan awal sebagai



MUHAMMAD Afiq (tengah) ketika bertugas sebagai juruterbang.

"Saya juga rindu mahu terbang dan berharap masih ada peluang untuk kembali menyarung seragam"

Muhammad Afiq

sandaran jika terpaksa 'dilepaskan'.

Katanya, dia memulakan projek cendawan selepas seminggu ditamatkan perkhidmatan dengan memanfaatkan ruang di belakang rumah ibu bapanya.

"Saya minat pertanian dan sebagai orang baharu dalam bidang ini, memang agak sukar kerana cendawan tanaman yang manja, malah persekitarannya perlu sentiasa bersih.

"Hasil akan dituai setiap

hari dan pasaran ketika ini dalam kawasan Manjung saja. Ketika ini, saya ada sebuah rumah cendawan saja dan bongkah akan ditambah selepas sebuah lagi rumah siap," katanya.

Muhammad Afiq berkata, dia berdoa dan berharap industri penerbangan kembali pulih seterusnya dapat meneruskan kerjaya di awan biru namun tetap akan meneruskan perniagaan tanaman cendawannya.

"Saya tidak pernah malu mengubah kerjaya sebaliknya gembira meneroka sesuatu yang baharu dan mahu mengembangkan pasaran di bawah jenama Teluk Rubiah Kitchen hingga ke luar Manjung.

"Saya juga rindu mahu terbang dan berharap masih ada peluang untuk kembali menyarung seragam," katanya yang bekerja di dua syarikat penerbangan sebelum ini.



MUHAMMAD Afiq menunjukkan cendawan yang diusahakannya di belakang rumah ibu bapanya di Teluk Rubiah, Manjung.



MUHAMMAD Afiq menghabiskan masa bersama anak di rumah cendawan di belakang rumah ibu bapanya.

AMBIL LANGKAH JUAL NANAS

Rahmad turut tubuhkan syarikat pengurusan muzik sendiri

Oleh Ridzuan Abdul Rahaman
mohamadridzuan@
hmetro.com.my

Tahun 2020 dilalui dengan penuh cabaran oleh penyanyi, Rahmad Mega yang terpaksa berdepan peristiwa di luar jangkaan.

Seawal tahun lagi, penyanyi yang popular dengan Takdir Dan Waktu dan Bayangan Gurauan bersama kumpulan Mega ini sudah berdepan ujian apabila tapak medan selera perniagaannya, The Stage By Rahmad Mega di Jalan Puchong dilanda ribut mengakhirkannya mengalami kerugian besar.

Tidak cukup dengan itu, perniagaan yang diturunkan sejak Januari 2019 sekali lagi berdepan ujian getir apabila penularan Covid-19 memaksanya menutup operasi The Stage By Rahmad Mega buat selama-lamanya.

Rahmad, 51, berkata, beberapa bidang lain yang diceburi juga merosot sehingga membuatkan dia mengambil keputusan menjual beberapa kereta termasuk rumah yang didiami di Pasir Gudang, Johor.

"Saya nekad menjual beberapa kenderaan bagi membayar hutang pinjaman. Rumah keluarga juga sudah siap diiklankan menerusi mudah.com sehinggalah jika pun terkejut. Saya ada rumah lain, tapi ia belum siap sepenuhnya dan belum diubah suai. Mujur ketika itu semua orang berdepan masalah kewangan yang tak menentu, jadi tiada yang berminat membelinya kecuali syarikat penjamin wang.

"Syaratnya saya dibenarkan tinggal di situ, tapi jika gagal membayar,

TIDAK menyesali ke gagalan yang berlaku dan terus bangkit mencari kejayaan.



rumah itu akan jadi milik mereka sepenuhnya. Saya tak bersetuju kerana tak mahu berputih mata begitu sahaja," katanya.

Rahmad yang mengalami kerugian hampir RM400,000 bersyukur kerana dalam situasi yang mencabar itu, dia menceburi perniagaan 'networking' dan mempunyai sedikit modal

Buat masa ini, saya belum terdetik lagi untuk membuka kembali perniagaan makanan dan menguruskan medan selera

RAHMAD



"Kebetulan saya berjumpa seorang kenalan yang mengajak menceburi bidang pertanian dengan menanam nanas. Jadi modal ini yang digunakan. Lagipun tak ramai yang menceburi bidang ini."

"Awalnya saya cuba untuk tanam sendiri, tapi ia ambil masa yang agak panjang selain perlukan modal yang banyak. Dalam tiga bulan pertama, kita kena cari tanah dan apabila dapat tanah, ia tak sesuai pula sedahgkan modal dah banyak keluar.

"Jadi saya tukar strategi kepada pemborong nanas yang diambil dari pekebun dan dijual. Saya kena buat begini supaya orang tahu, saya terabit dalam bidang ini. Ia perlu ada rantaian," katanya.

Dari situ, Rahmad berancang dan mencapai persetujuan dengan pekebun untuk membeli benih mereka pula yang lebih menguntungkan.

"Hasil keuntungan nanas sebenarnya berpunca dari benih. Ia dikumpulkan dan



RAHMAD bersama ahli tanam nanas yang dijual.

dihantar kepada pekebun nanas. Alhamdulillah, pulangnya agak lumayan sebagai sumber rezeki keluarga saya.

"Buat masa ini, saya belum terdetik lagi untuk membuka kembali perniagaan makanan dan menguruskan medan selera. Tambahan lagi masalah Covid-19 belum berakhir. Seinggalah kehidupan kembali normal baru okay," katanya.

Dalam perkembangan lain, Rahmad kini menubuhkan syarikat pengurusan muzik sendiri iaitu Mega Empire Music dan memperkenalkan dua artisnya iaitu kumpulan SAJA dan penyanyi solo, Iman Ikhtiman, bekas peserta Akademi Fantasia 2013.

"Mereka terabit dengan saya berdasarkan pada projek

khas antara kami. Kumpulan SAJA kini tampil dengan single berjudul Scammer.

Ikutannya mereka pernah ada satu album tahun lalu, tapi agak kurang menyelerah kerana tiada syarikat pengurusan yang betul.

"Saya berminat ambil mereka kerana lihat persembahan mereka yang bagus apabila busking di The Stage sebelum ini. SAJA adalah antara kumpulan yang mempunyai bakat yang bagus. Setiap kali buat persembahan bahagian harmoni mereka amat bagus," katanya.

Rahmad berkata, Iman pula akan tampil dengan single pertama berjudul Delusi ciptaan Ikhtiman Fatanna.

"Saya lihat lagu ini sangat bagus dan susah nak jumpa. Ramai yang nakkan lagu ini, tapi dia dah berjanji untuk

bagi kepada saya. Lagu Iman disediakan untuk masuk ke Anugerah Juara Lagu akan datang," katanya.

Tidak terkecuali, Rahmad sendiri kembali menyiapkan projek lagu-lagunya yang sudah lama tertunda ketika bersama syarikat rakaman Incite Enterprise pada pertengahan 1990-an.

"Ia adalah satu projek tertunda ketika bersama mereka dahulu yang dibuat semula. Saya dapat panggilan supaya merakam semula sembilan lagu. Tapi, saya tak pasti bila mereka akan keluaran. Secara peribadi saya ada banyak koleksi lagu yang pernah dirakam dibawah terbitan penerbit berbeza seperti Julfekar dan ramai lagi. Bojeh dikatakan semuanya ada lebih 20 lagu Musim sekarang orang tak buat album, tapi saya ada stok 20 lagu," katanya.